

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
[ POKOK SENA ]**

**TARIKH : 22 MAC 2016**

**RUJUKAN : 8627**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-**

- a) apakah kebenaran untuk membawa masuk 1.5 juta pekerja Bangladesh telah mengambil kira hampir 4 juta pekerja asing tanpa izin yang sedia ada di Malaysia dan senarai majikan dan syarikat-syarikat yang memohon untuk membawa masuk pekerja Bangladesh; dan
- b) apakah langkah-langkah penyelesaian Kerajaan terhadap hampir 4 juta pekerja asing tanpa izin sebelum dibawa masuk 1.5 juta pekerja sah dari Bangladesh.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Ingin saya tegaskan bahawa, angka 1.5 juta pekerja asing Bangladesh bukanlah merupakan angka yang mutlak. Jumlah sebenar kemasukan pekerja Bangladesh kelak akan bergantung kepada keperluan sebenar majikan semasa permohonan dibuat dan akan dinilai berdasarkan kelayakan serta kemampuan setiap majikan untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti memberi keutamaan pekerjaan kepada rakyat tempatan terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, pekerja asing ini hanya akan dibenarkan untuk bekerja di bawah sektor perkilangan, perladangan, pertanian, pembinaan dan perkhidmatan di mana sektor-sektor ini kurang diminati oleh warga tempatan.**

**Namun begitu, Kerajaan pada 19 Februari 2016 telah memutuskan untuk menangguhkan semua permohonan pengambilan pekerja asing baharu termasuk pekerja warganegara Bangladesh sehingga Kerajaan berpuas hati dengan keperluan sebenar oleh pihak industri.**

**Kerajaan tidak mempunyai anggaran tepat jumlah PATI yang berada di dalam Negara termasuk daripada kalangan warganegara Bangladesh. Namun begitu, Kerajaan sentiasa peka terhadap senario banjir PATI di Malaysia dan tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan secara berterusan bertujuan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir PATI yang berada di dalam negara. Selain itu, Kerajaan turut memberikan tumpuan kepada**

**program *Rehiring* untuk memberi peluang kepada PATI yang berada di dalam Negara untuk bekerja secara sah.**